

11 JAN 1996

PM GESA SYARIKAT MALAYSIA KURANGKAN KOS UNTUK LEBIH KOMPETITIF

KUALA LUMPUR, 11 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan syarikat-syarikat Malaysia jangan leka daripada segi mengurangkan kos dan meminta mereka mencari jalan bagaimana mereka boleh terus mengurangkan kos.

"Jika kita boleh mengurangkan kos, maka kita boleh mengeksport lebih banyak. Apabila kita boleh mengeksport lebih banyak, kita boleh mengurangkan defisit (negara)," katanya pada sesi dialog sempena forum ekonomi kebangsaan di sini.

Menyebut kes Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton), katanya ia tidak begitu berjaya di pasaran-pasaran antarabangsa kecuali di Britain.

Ini adalah kerana Proton tidak perlu membayar duti import 10 peratus di Britain tetapi jika insentif itu ditarik balik, maka pengeluar kereta tempatan itu mungkin tidak begitu kompetitif di pasaran Britain, katanya.

Kerana alasan itu, katanya Proton sedang mengkaji setiap aspek proses pengeluarannya untuk mencari bagaimana ia boleh mengurangkan kos.

"Kamu akan mendapati bahawa kamu boleh mengurangkan kos sekiranya kamu memeriksa semuanya dengan penuh terperinci. Kamu akan dapati yang kamu boleh mengurangkan kos jika kamu telah membuat atau membayar apa yang kamu tidak patut bayar atau buat. Kerajaan telah mendapatinya dan ia sedang berbuat sesuatu terhadapnya," katanya.

Ditanya sama ada beliau melihat keperluan menubuhkan sebuah agensi khas untuk menangani pembangunan industri perkhidmatan di negara ini, Perdana Menteri berkata beliau tidak boleh kata "ya" atau "tidak" pada forum itu, tetapi jika ada keperluan ia patut ditubuhkan, kerajaan adalah terbuka untuk cadangan.

Bagaimanapun beliau menegaskan bahawa ia perlu "tidak semata-mata hanya nama."

Seorang peserta pada dialog itu mengulas bahawa kedudukan Labuan sebagai sebuah pusat kewangan luar pesisir antarabangsa (IOFC) tidak begitu menarik dan ia mungkin mengambil sehingga 30 tahun untuk bersaing dengan Singapura sebagai pusat kewangan.

Peserta itu juga menyarankan agar Pulau Pinang, satu lokasi dengan banyak persamaan dengan Singapura seperti pemikiran jimat-cermat dan perniagaan penduduknya dan persekitarannya yang selesa seperti pusat peranginan, sebaliknya diubah menjadi satu lagi IOFC.

Dr Mahathir menjawab bahawa Labuan tidak patut dibandingkan dengan Singapura tetpai dengan IOFC seperti Jersey atau Guernsey di Channel Islands.

Katanya adalah tidak betul memberikan layanan istimewa kepada Pulau Pinang untuk menukarnya menjadi sebuah pusat kewangan setara dengan Singapura kerana negeri-negeri lain mungkin tidak suka.

Kerajaan, katanya, telah memberikan taraf pelabuhan bebas kepada Pelabuhan Klang dan Langkawi sejajar dengan strategi kerajaan memajukan kawasan-kawasan yang berlainan di negara ini.

Dr Mahathir berkata taraf pelabuhan bebas Pulau Pinang telah ditarik balik berikutan kemerdekaan negara selepas negeri itu mencapai tahap pembangunan tertentu.

Beliau bersetuju bahawa Pulau Pinang adalah satu tempat yang elok untuk didiami dan ia mempunyai makanan yang baik. "Saya suka pergi ke sana untuk nasi kandar tetapi kita perlu berbuat sesuatu yang lebih baik daripada nasi kandar untuk menarik orang ke sana," beliau berseloroh.

Perdana Menteri berkata beliau tidak pasti sama ada orang mahu bekerja di pusat peranginan setiap masa.

"Tinggal di pusat peranginan boleh membuat kita malas sikit. Kita mahu rehat dan pergi ke pantai setiap masa. Kita mungkin tidak begitu menumpukan kepada kerja kita. Di Malaysia kita terpaksa bekerja keras."

Merujuk kepada seruan kepada kerajaan supaya menguatkuasakan dasar "beli barangan Malaysia dahulu" seperti dasar "beli barangan British terakhir", Dr Mahathir berkata agensi-agensi dan syarikat-syarikat milik kerajaan telah diarah mendapatkan sumber barangan mereka di dalam negeri.

Tetapi katanya kerajaan tidak boleh mengarahkan firma-firma swasta membeli barangan tempatan tetapi mereka harus sekurang-kurangnya prihatin terhadap masalah negara dan membantu mengurangkan defisit dengan membeli barangan tempatan.

Dengan membeli barangan tempatan, firma-firma itu juga membantu menggalakkan industri-industri tempatan dan mengurangkan bil import, kata Perdana Menteri.

Beliau berharap rakyat Malaysia akan menunjukkan sokongan yang serupa bagi barangan Malaysia yang lain seperti ditunjukkan kepada kereta Proton.

Dr Mahathir berkata banyak barang boleh dikeluarkan oleh firma-firma Malaysia, malahan bagi projek-projek besar-besaran, sambil menambah bahawa komponen buatan tempatan untuk kilang penapis minyak sawit dan turbin boleh dieksport.

Beliau mengeluh tentang hakikat bahawa banyak syarikat Malaysia tidak berusaha mengambil tahu sama ada terdapat pembekal Malaysia.

Memandangkan ini, katanya kerajaan sedang merangka senarai industri-industri Malaysia, barangan mereka dan keupayaan mereka.

Misalnya, katanya syarikat-syarikat Malaysia patut sedar keupayaan negara dan menyebut contoh Proton sebagai pengeluar kereta bermutu dan keretanya baru-baru ini dipilih sebagai tanpa kerosakan dalam tahun pertama dan kedua di Britain.

Merujuk kepada gesaan supaya insentif diberikan kepada firma tempatan yang menggunakan barangan tempatan, katanya ini akan menambah lagi kepada "mentaliti subsidi."

"Memberi galakan bermakna kerajaan membayar untuk sesuatu yang sektor swasta tidak bayar," katanya. -- BERNAMA